



## Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 4, Issue 6, October 2019

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:  
www.msocialsciences.com

### Impak Ekopelancongan Terhadap Pemerksaan Wanita, Kesaksamaan Gender dan Pembangunan Komuniti

**Kartina Narwan<sup>1</sup>, Dayang Suria Mulia<sup>1</sup>**

<sup>1</sup>Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)

Correspondence: Kartina Narwan (kartinanarwan@gmail.com)

#### Abstrak

Pemerksaan wanita adalah salah satu syarat utama untuk mencapai kesaksamaan gender. Kajian-kajian terdahulu mendapati sektor ekopelancongan berpotensi untuk memperksa wanita dan merapatkan jurang gender dalam sesebuah komuniti. Namun begitu, sehingga kini masih wujud ketidaksaksamaan gender dalam sektor ekopelancongan dan ini telah memperlakan proses pemerksaan wanita dan seterusnya mempengaruhi pencapaian pembangunan komuniti khususnya di luar bandar. Sehubungan itu, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dan perspektif gender untuk menganalisis kriteria-kriteria ketidaksaksamaan gender yang masih wujud dalam sektor ekopelancongan di luar bandar, Sabah. Disamping itu, kajian ini juga cuba untuk menilai sejauhmana sektor ekopelancongan mampu mengurangkan jurang ketidaksaksamaan gender serta mampu memperksa wanita di luar bandar. Walaupun sebelum ini terdapat pelbagai kajian yang telah dilakukan di Sabah berkaitan isu ekopelancongan, namun pendekatan perspektif gender dalam kajian ekopelancongan di Malaysia khususnya di Sabah masih kurang. Untuk memenuhi kekurangan tersebut, kajian ini mengaplikasi pendekatan perspektif tersebut untuk menganalisis impak aktiviti sektor ekopelancongan di luar bandar terhadap pemerksaan wanita, tahap pencapaian kearah kesaksamaan gender serta kesannya kepada pembangunan komuniti. Kajian ini dijalankan dalam dua buah kampung di Kota Belud iaitu Kampung Rampayan Laut dan Kampung Nanamun, iaitu dua buah kampung yang terlibat mengusahakan aktiviti-aktiviti berkaitan ekopelancongan.

**Kata kunci:** ekopelancongan, gender, wanita, pemerksaan, pembangunan komuniti

### The Impact of Ecotourism on Women Empowerment, Gender Equality and Community Development in Rural Area

#### Abstract

Women empowerment are one of the main requirement to achieve gender equality, previous research found that ecotourism sector is potential for women empowerment and to narrow the gender gap in the community. However, until now gender inequality in ecotourism sector are still exist and its actually weighing down the women empowerment processed and affecting the community development achievements especially in a rural area. With that, this research is using qualitative approach and gender perspective to analyze the criteria of gender inequality that still exist in rural area ecotourism sectors. In addition, this research is trying to analyze how far ecotourism sectors can reduce the gender inequality and can actually empowered women in a rural area. There are variety of research conducted in Sabah regarding ecotourism issues, however in Malaysia the research regarding ecotourism failed to

use a gender perspective especially in Sabah. In order to fill the scarce, this research implement the gender perspective approach to examine the impact of ecotourism sector activities in rural area against women empowerment, the level achievement of gender equality and its impact towards community development. This research are conducted in two village of Kota Belud that known as Kampung Rampayan Laut and Kampung Nanamun. Both village are actively involved in ecotourism sectors.

**Keywords:** ecotourism, gender, women, empowerment, community development

---

## Pengenalan

Pemuliharaan alam semulajadi dan peningkatan pertumbuhan ekonomi merupakan matlamat utama sektor ekopelancongan (Duffy, 2002; Higham, 2007). Ekopelancongan dikategorikan sebagai pelancongan alternatif yang bukan sahaja mampu menjana pendapatan ekonomi malah ia juga mampu mengurangkan impak negatif pelancongan terhadap alam semulajadi. Ekopelancongan mengutamakan pemuliharaan serta pemeliharaan alam semulajadi untuk mencapai pembangunan yang mapan (Wearing & neil, 2009). Kebanyakan negara seperti Afrika, India, Vietnam dan Malaysia telah menjadikan ekopelancongan sebagai strategi pembangunan kerana sektor ini berpotensi untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi yang mapan (Wearing & neil, 2009).

Definisi ekopelancongan sering menjadi isu perdebatan sarjana-sarjana khususnya mereka yang membuat kajian berkaitan pelancongan, contohnya kajian-kajian Reichert (1994); Honey (1999) dan Blamey (2001). Definisi umum ekopelancongan berkait rapat dengan alam semulajadi, budaya, hidupan liar, flora dan fauna serta pelancongan pengembaraan. Dalam konteks ini, gambaran umum ialah pelancong ekopelancongan melancong ke kawasan yang cantik dengan keindahan alam dan menikmati alam sekitar tetapi kunjungan tersebut harus memberi faedah kepada komuniti lokal dari aspek ekonomi dan sosial (Reimer & Walter, 2013). Para sarjana seperti Weaver (2001) dan Fennel (2008) berpendapat, untuk mengenalpasti sama ada jenis pelancongan tersebut termasuk dalam kategori ekopelancongan, ciri-ciri ekopelancongan dan apakah yang bukan menjadi ciri-ciri ekopelancongan penting untuk diketahui. Ini bertujuan agar ia boleh dibezakan secara jelas dengan pelancongan yang bercirikan alam sekitar seperti agropelancongan (Weaver, 2001; Fennel, 2008). Dalam konteks ini, Honey (1998) mencadangkan tujuh kriteria untuk mengenalpasti ekopelancongan iaitu; (a) berasaskan alam sekitar, (b) mengurangkan impak negatif pelancongan, (c) mewujudkan kesedaran berkaitan alam sekitar, (d) memberikan faedah ekonomi secara langsung untuk tujuan pemuliharaan (e) memberikan faedah ekonomi secara langsung untuk pemerksaan komuniti lokal (f) menghormati budaya lokal dan (g) menyokong hak asasi manusia dan pergerakan demokrasi. Selain itu, Blamey (2011) menjelaskan ciri-ciri ekopelancongan sepatutnya (a) berasaskan alam sekitar, (b) memberi pengetahuan berkaitan alam sekitar dan budaya, dan (c) diuruskan secara mampan. Walaupun terdapat sarjana yang memberikan definisi yang berbeza misalnya Reichert (1994); Honey (1999) dan Blamey (2001), namun pada asasnya mereka bersetuju dengan enam kriteria utama ekopelancongan iaitu (a) bergantung dengan alam sekitar, (b) mampan dari segi ekologi, (c) memberi sumbangan terhadap usaha pemuliharaan, (d) memberikan pengetahuan (e) menghormati budaya lokal dan (f) memberikan manfaat dan faedah kepada komuniti lokal.

Sektor ekopelancongan berasaskan penyertaan komuniti ataupun *Community Based Ecotourism* (CBET) merupakan sektor pelancongan yang pesat membangun di Malaysia dari tahun 90-an sehingga Malaysia menggubal pelan pembangunan iaitu *National Ecotourism Plan 1996* (NEP 1996) sebagai panduan dalam membangunkan sektor ekopelancongan yang strategik dan holistik. Pada tahun 2016, Kementerian Pelancongan dan Budaya Malaysia telah melancarkan *National Ecotourism Plan 2016-2025* untuk menggabungkan kesemua kajian mengenai ekopelancongan di bawah NEP 1996, menilai kejayaan dan kelemahan NEP 1996 dan mencadangkan polisi, strategi dan pelan tindakan untuk menambah baik pengurusan dan pembangunan ekopelancongan.

Di Malaysia, ekopelancongan merupakan sub-sektor pelancongan yang paling pesat membangun (Jennifer & tom, 2007). Pada tahun 2018, sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak RM84.1 billion kepada pendapatan ekonomi negara (Tourism Malaysia, 2018). Alam sekitar, keindahan alam semula jadi dan keunikan budaya ahli komuniti lokal merupakan salah satu tarikan utama di Malaysia (Tourism Malaysia, 2018). Dalam konteks Sabah, sektor pelancongan telah menyumbang sebanyak RM 8.3 billion kepada pendapatan ekonomi Sabah. Kebanyakan pelancong adalah berasal dari negara China dan Korea Selatan, dan sebab utama kedatangan mereka ke Sabah adalah untuk menyertai pelbagai aktiviti ekopelancongan seperti melancong ke pantai dan pulau (37%), menikmati alam semulajadi (32%), aktiviti pengembaraan (13%) dan aktiviti menyelam (11%) (Sabah Tourism, 2018).

Ekopelancongan dianggap mampu membangunkan komuniti terutamanya golongan wanita dan belia (Scheyvens, 1999; 2000; 2007). Melalui sektor ekopelancongan, ahli komuniti lokal di luar bandar diberikan peluang pekerjaan, mendapat faedah daripada aktiviti dan produk ekopelancongan, berpeluang meluaskan rangkaian sosial, memulakan perniagaan atau perusahaan baru dan terlibat dalam pembuatan keputusan khususnya berkaitan pelaksanaan dan pengurusan sektor ekopelancongan (Scheyvens, 2007). Dari aspek ekonomi negara, perkembangan ekopelancongan telah meningkatkan sektor-sektor ekonomi yang lain seperti sektor pengangkutan, perhotelan, peruncitan dan makanan. Perkembangan sektor-sektor ini secara langsung telah meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan peluang pekerjaan (Sabah Tourism, 2018). Dengan kata lain, sektor ekopelancongan bukan sahaja mampu meningkatkan pertumbuhan ekonomi, mengurangkan impak negatif alam sekitar dan memulihara alam sekitar, malah ianya memberi faedah dari aspek ekonomi, sosial, politik dan psikologi kepada ahli komuniti lokal yang terlibat (Scheyvens, 2000).

Namun begitu, persoalan yang timbul adalah, adakah ahli komuniti lokal mendapat faedah daripada ekopelancongan secara sama rata dan saksama? Perkara ini perlu dititikberatkan kerana prinsip asas pembangunan komuniti adalah kesaksamaan, tidak wujud unsur diskriminasi, bertindak secara kolektif, bekerja sambil mempelajari sesuatu, keadilan sosial dan pemeraksanaan komuniti (Scheyvens, 1999).

Kajian terdahulu mendapati terdapat ketidakaksamaan gender dalam sektor ekopelancongan dari aspek peranan gender, status, penerimaan upah, peluang mengasah kemahiran dan meluaskan rangkaian sosial serta kuasa dalam proses membuat keputusan yang melibatkan projek ekopelancongan (Schellhorn, 2010; Gentry, 2007; Ferguson, 2009). Kebanyakan kajian mendapati lelaki mendapat lebih banyak faedah berbanding wanita dalam sektor ekopelancongan. Bagi Scheyvens (1999), sektor ekopelancongan dianggap belum berjaya memperkasa komuniti secara sepenuhnya jika sektor ini tidak mampu memperkasa golongan wanita sepertimana ia memperkasa golongan lelaki.

Justeru, objektif utama kajian ini ialah menganalisis impak ekopelancongan terhadap pemeraksanaan wanita dan kesaksamaan gender. Kajian ini turut menilai tahap pencapaian ke arah kesaksamaan gender dan impak positifnya terhadap pembangunan komuniti. Kajian ini menggunakan perspektif gender dalam menganalisis tahap penyertaan wanita dalam ekopelancongan. Ia juga cuba menilai dasar, pelan tindakan, program serta strategi agensi kerajaan berkaitan dalam mencapai kesaksamaan gender serta mengintegrasikan perspektif gender dalam pembangunan. Untuk mengukur tahap pembangunan komuniti, pengkaji mengaplikasikan Kerangka Pembangunan Komuniti yang diadaptasi dari Model Scheyvens (1999) sebagai panduan analisis.

## **SOROTAN LITERATUR**

Kajian ini membincangkan ketidakaksamaan gender dalam sektor ekopelancongan yang kurang mendapat perhatian dalam kalangan sarjana tempatan. Dapatan kajian lalu contohnya kajian Intan et al (2011) dan Rosazman & Velan (2016) lebih menjurus kepada pemeraksanaan wanita dan tidak menilai secara kritikal bagaimana pelancongan mampu mengurangkan jurang gender di Malaysia.

Di luar negara, ramai sarjana seperti Wilkinson & Pratiwi (1995), Scheyvens (2007) dan Lucy Ferguson (2009) yang membincangkan isu gender dalam ekopelancongan dalam kajian mereka. Kajian pelancongan yang menggunakan perspektif gender membincangkan secara khusus ketidakaksamaan

gender yang masih wujud dalam pelancongan dari segi perbezaan upah (Stronza, 2005), interaksi sosial dengan pelancong (Gentry, 2007), kuasa pembuatan keputusan mengenai projek ekopelancongan (Scheyvens, 2007), pembahagian kerja dalam aktiviti ekopelancongan (Elmas, 2007) serta perbezaan peranan gender (Claudia, 2015).

Kajian-kajian lalu yang dijalankan oleh Scheyvens (2000), Gentry (2007), Schellhorn (2010), Walter (2011) dan Alka (2016) yang membincangkan isu gender dalam ekopelancongan menegaskan, walaupun status wanita meningkat dan pendapatan ekonomi mereka bertambah, namun ketidaksaksamaan gender dari segi peranan gender dalam sektor pelancongan masih wujud. Wanita kebiasaannya melaksanakan peranan gender yang bersifat domestik dan tradisional seperti memasak, melakukan kerja pembersihan, melayan, menghiburkan tetamu dan terlibat dalam sektor informal dengan meniaga dan menjual barangan kraftangan serta makanan.

Kajian Mwangi (2005) di Amboseli, Kenya mendapati wanita tidak dibenarkan menjawat sebarang jawatan dalam ekopelancongan dan meneruskan peranan reproduktif di rumah seperti memasak, menjaga anak dan menguruskan rumah. Dapatan kajian ini selaras dengan kajian Simon et al (2011) di Mahenya Zimbabwe yang mendapati lelaki mendominasi kesemua peranan produktif dalam ekopelancongan dan sama sekali tidak melibatkan wanita dalam proses pembuatan keputusan berkenaan projek ekopelancongan.

Kajian Bras & Dahles (1999) disokong oleh kajian Long & Wall (1995), Reimer & Walter (2013), Jabil et al (2015), Rosazman & Velan (2016) dan Haniza (2016) yang merumuskan bahawa ekopelancongan memperkasa wanita dari segi penjanaan pendapatan melalui projek *homestay* dalam ekopelancongan, namun peranan gender yang dijalankan oleh wanita masih *stereotypical*. Misalnya, kajian yang dijalankan oleh Reimer & Walter (2013) di Pergunungan Cardamom, Cambodia mendapati terdapat pembahagian kerja yang jelas antara lelaki dan wanita. Contohnya, pekerjaan memasak dan membersihkan dalam *homestay* serta rumah tumpangan kesemuanya dilakukan oleh wanita. Manakala lelaki mendominasi pekerjaan yang bersifat teknikal seperti pengendali pelancong, pendaftaran pelancong dan operator bot [4]. Kajian ini selaras dengan dapatan kajian Jabil et al (2015) di Semporna, Rosazman & Velan (2016) di Kampung Abai, Kinabatangan dan Haniza (2016) di Batu Puteh, Kinabatangan yang mendapati wanita lebih cenderung menguruskan aktiviti dalam *homestay* yang sinonim dengan peranan gender tradisional yang bersifat reproduktif. Kesemua kajian tersebut sama dengan rumusan kajian Long & Wall (1995) di Bali Indonesia yang menekankan, wanita bertanggungjawab menjayakan perusahaan *homestay* namun mereka tidak dibenarkan terlibat dalam organisasi pelancongan yang ditubuhkan serta membincangkan masa hadapan dan masalah yang timbul dalam perusahaan *homestay*.

Selaras dengan kajian yang dilakukan oleh Wilkinson & Pratiwi (1995), Bras & Dahles (1999) juga mendapati proses mobiliti sosial wanita adalah pada tahap yang perlahan kerana halangan budaya dan stereotaip masyarakat berkenaan peranan wanita. Wanita dianggap sesuai melakukan pekerjaan seperti pelayan, tukang masak dan pekerja pembersihan. Manakala pekerjaan seperti pengendali pelancong dianggap tidak sesuai untuk wanita kerana pekerjaan tersebut memerlukan kekuatan fizikal dan perlu bekerja lebih masa dan kadangkala bekerja hingga ke waktu malam (Wilkinson, 1995). Kajian Wilkinson dan Pratiwi (1995) mendapati wanita tidak sesuai dan tidak sepatutnya menjadi pengendali pelancong disebabkan budaya masyarakat Indonesia yang beranggapan wanita yang ingin terlibat dalam aktiviti pengendalian pelancong dan bergaul dengan pelancong adalah seperti pelacur. Manakala, Bras & Dahles (1999) dan Wood (2002) mendapati ekopelancongan memberi peluang kepada wanita untuk menjana pendapatan tambahan dengan menyertai sektor informal seperti menjual barangan dan makanan kepada pelancong. Namun begitu, kajian mereka mendapati budaya sistem patriaki yang diamalkan oleh masyarakat Indonesia di Bali dan masyarakat Nepal di Langtang telah menambah beban dan memperlambatkan mobiliti sosial wanita. Hal ini kerana suami hanya membenarkan isteri mereka menjual barangan dan makanan di kawasan yang berhampiran dengan rumah agar mereka tidak mengabaikan peranan reproduktif di rumah.

Sektor ekopelancongan mampu memperlambatkan proses pembangunan komuniti kerana proses pemerksaan yang tidak seimbang antara lelaki dan wanita. Namun, kajian ekopelancongan yang

menggunakan perspektif gender seperti Koeman (1998), Dilly (2003), Barry (2012), Manu et al (2012), Tran & Walter (2013) dan Frederick et al (2015) merumuskan bahawa sektor ekopelancongan mampu merapatkan jurang gender dan meningkatkan kesaksamaan gender melalui keberhasilannya memperkasa wanita dari aspek ekonomi, sosial, politik dan psikologi.

Kajian yang dijalankan oleh Tran & Walter (2013) di Vietnam dan Fredrick et al (2015) di Kisumu, Kenya mendapati bahawa wanita mampu diperkasa dalam sektor ekopelancongan kerana wanita diberikan peluang dan akses untuk melibatkan diri dalam latihan dan kursus yang disediakan dalam sektor ekopelancongan. Kedua-dua kajian mendapati wanita telah memecahkan dominasi lelaki melalui peranan bersifat teknikal seperti pengendali pelancong dan operator bot. Ini menjadi kenyataan setelah mereka menyertai latihan dan kursus sebagai pengendali pelancong dan operator bot. Disamping itu, kajian Tran & Walter (2013) mendapati selain memperoleh kemahiran baru sebagai pengendali pelancong, wanita juga berpeluang meningkatkan kemahiran mereka dalam persembahan tarian. Kedua-dua kajian tersebut mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Koeman (1998) di Sa Pa Vietnam yang mendapati wanita memecah dominasi lelaki dalam peranan produktif dalam sektor ekopelancongan seperti menjadi pengendali pelancong serta mengiringi pelancong menaiki gunung Fansipan.

Selain itu, kajian Jacobus et al (2005), Dilly (2003), Manu et al (2012) dan Barry (2012) mendapati sektor ekopelancongan bukan sahaja mampu memperkasakan wanita tetapi ia juga mampu merapatkan jurang gender dari segi akses kepada sumber, kawalan terhadap sumber dan kuasa dalam proses pembuatan keputusan. Kajian yang dijalankan oleh Jacobus et al (2005), Dilly (2003), Manu et al (2012) dan Barry (2012) mendapati kesaksamaan gender mampu dicapai jika wanita diberi kuasa dalam proses pembuatan keputusan. Misalnya, kajian Manu et al (2012) di Sirigu, Ghana dan kajian Barry (2012) di Isecheno, Kenya mendapati penglibatan aktif wanita dalam organisasi yang dibentuk di bawah sektor ekopelancongan telah memberikan mereka peluang memberikan pandangan dan cadangan dalam proses mengembangkan dan menyelesaikan masalah berkaitan projek ekopelancongan. Selain itu, wanita memecahkan dominasi lelaki dalam proses pembuatan keputusan kerana penglibatan dalam organisasi telah meningkatkan keyakinan diri, pengetahuan dan sumbangan mereka. Justeru, kuasa wanita ditingkatkan dalam proses pembuatan keputusan. Akhir sekali, kajian Dilly (2003) di Guyana dan Jacobus et al (2005) di Costa Rica menunjukkan wanita bukan sahaja mempunyai peluang untuk terlibat dalam proses pembuatan keputusan, malah wanita juga mempunyai akses dan kawalan terhadap sumber dalam sektor ekopelancongan. Contohnya, kajian Dilly (2003) mendapati wanita mempunyai akses terhadap sumber melalui Projek Ubi Kayu dan mempunyai kawalan terhadap sumber tersebut. Mereka bertanggungjawab mengendalikan dan menguruskan projek tersebut untuk meningkatkan bekalan makanan di kawasan sektor ekopelancongan. Begitu juga dengan dapatan kajian Jacobus et al (2005) di Costa Rica yang mendapati wanita mempunyai akses dalam mengendalikan *Recycling Plant*.

Kajian terdahulu di Malaysia contohnya Intan et al (2011) dan Rosazman & Velan (2016) hanya membincangkan pemerksaan wanita tetapi kajian-kajian tersebut tidak mengaplikasikan pendekatan perspektif gender. Kajian-kajian lain berkaitan ekopelancongan di Malaysia banyak tertumpu kepada potensi dan cabaran sektor ekopelancongan, misalnya kajian Ramzah dan Amriah (2008), Jabil (2010) Jirey et al, (2015) dan Abdullah et al (2016) dan isu kelestarian contohnya kajian Duini (2010) Toshiki et al (2013) & Sahazali & Choy (2013). Dengan Kata lain, kajian-kajian tersebut bersifat *gender-blind*. Justeru, kajian ini bukan sahaja cuba menilai Impak aktiviti dan usaha dalam sektor ekopelancongan terhadap pemerksaan wanita, tetapi kajian ini juga menilai kualiti pemerksaan wanita dan bagaimana ianya mampu merapatkan jurang gender dan meningkatkan pencapaian ke arah kesaksamaan gender di luar bandar. Lebih dari itu, kajian ini cuba menilai tahap pencapaian kearah kesaksamaan gender dan impak positifnya terhadap pembangunan komuniti di luar bandar.


## Metod Kajian

Kajian ini memilih Kampung Rampayan Laut dan Kampung Nanamun, Kota Belud sebagai lokasi kajian. Hal ini kerana sektor ekopelancongan berasaskan penyertaan komuniti semakin berkembang di


kedua-dua kampung ini. Melalui dapatan awal pengkaji, terdapat 22 Syarikat Operator Pelancongan di kampung Rampayan Laut. Sebanyak 12 syarikat di miliki oleh ahli komuniti lokal etnik Iranun dan 10 syarikat lagi disewakan kepada pelabur yang berasal dari luar Kota Belud.

Jadual 1: Syarikat Operator Pelancongan di Rampayan Laut, 2018

Bil.	Syarikat Pelancongan	Pemilik
1	Marampayan Tours	Lokal
2	Habib Jaya Sunset & Cruise	Lokal
3	Mizume	Menyewa
4	Tadmahal Travel And Tours	Lokal
5	Rampayan Laut River Cruise (Lrl)	Lokal
6	Horizon	Lokal
7	TW Company	Menyewa
8	Riverside	Menyewa
9	Mantanani Paradise	Lokal
10	Mantanani Dreams	Menyewa
11	3H	Lokal
12	Borneo Mataid	Lokal
13	Wb Travel And Tour	Lokal
14	Yun Sheng	Menyewa
15	Perfect Holiday	Lokal
16	Borneo Bayau	Lokal
17	Palm Beach	Lokal
18	Touch Borneo	Menyewa
19	Tang Yu	Menyewa
20	Excel Dive	Menyewa
21	Borneo Legend	Menyewa
22	Advance Borneo	Menyewa



Peta 1: Fungsi dan Pola Penggunaan Tanah di Rampayan Laut, 2014



Peta 2: Fungsi dan Pola Penggunaan Tanah di Rampayan Laut, 2017

Temu bual mendalam telah dijalankan bersama dua pemilik syarikat ekopelancongan di Kampung Rampayan Laut Kota Belud iaitu Syarikat Marampayan Tours Sdn Bhd dan Syarikat Habib Jaya Sunset & Beach Sdn Bhd. Kedua-dua syarikat ini dimiliki ahli komuniti lokal dan sampai sekarang bergiat aktif dalam sektor ekopelancongan. Temu bual mendalam dijalankan bersama pemilik (wanita) Syarikat Marampayan Tours Sdn Bhd dan dua orang anak perempuan pemilik Syarikat Habib Jaya Sunset & Beach Sdn Bhd yang sememangnya terlibat aktif dalam operasi syarikat. Tujuan temubual ini ialah untuk mengetahui tahap penglibatan wanita dalam proses pembuatan keputusan, operasi syarikat, akses terhadap sumber dan kawalan terhadap sumber dalam syarikat tersebut.

Selain itu, pemerhatian di lapangan juga dijalankan oleh pengkaji untuk mengenalpasti jenis aktiviti ekopelancongan yang ditawarkan oleh kedua-dua syarikat tersebut. Disamping itu, pemerhatian di lapangan juga dijalankan untuk mengenalpasti peranan wanita dan lelaki dalam sektor ekopelancongan. Pemerhatian di lapangan membantu pengkaji mengenalpasti impak ekopelancongan terhadap pemerksaan wanita dan kesaksamaan peranan gender.

Akhir sekali, analisis data kualitatif juga melibatkan analisis dokumen seperti buku, jurnal, artikel dan data statistik yang berkaitan dengan isu kajian ini. Buku *Critical issues in Ecotourism* telah digunakan untuk mengenalpasti isu ketidaksaksamaan gender dalam ekopelancongan. Selain itu, artikel *Ecotourism and The empowerment of Local Community* oleh Scheyvens (1999) digunakan untuk memahami kerangka pemerksaan komuniti yang berjaya di luar bandar. Dalam konteks memahami bagaimana analisis gender diaplikasikan dalam kajian pelancongan, artikel seperti *Analising the Gender Dimensions of Tourism as a Development Strategy* oleh Ferguson (2009) telah dijadikan sebagai rujukan utama kajian. Seterusnya, untuk memahami berkenaan *Gender Mainstreaming*, artikel Nur syakiran (2016) iaitu *Mengarusperdana Gender di Malaysia* turut menjadi rujukan penting kajian ini.

Statistik ketibaan pelancong dari Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya digunakan untuk mengenalpasti jumlah kedatangan pelancong dan pendapatan ekonomi melalui pelancongan. Statistik dari Sabah Tourism Board berkaitan kedatangan pelancong dan pendapatan ekonomi melalui pelancongan di Sabah menyokong rumusan mengenai pentingnya sumbangan sektor *ecotourism* kepada pembangunan komuniti. Seterusnya, Buku Statistik Kementerian Pembangunan Wanita dan

Keluarga digunakan untuk mengetahui berkenaan kadar penyertaan buruh dan kadar pengangguran wanita di Malaysia.

Data dan maklumat yang dibincangkan dalam artikel ini merupakan dapatan awal pengkaji di Kampung Rampayan Laut Kota Belud. Pengkaji masih dalam proses pengumpulan data dan menganalisis data kualitatif untuk melengkapkan keseluruhan kajian. Kajian masih diteruskan dengan menemubual syarikat-syarikat ekopelancongan lain serta responden wanita dan lelaki di Kampung Rampayan Laut dan Kampung Nanamun, Kota Belud khususnya mereka yang terlibat secara langsung dengan aktiviti dan usaha ekopelancongan di kampung tersebut.

## Dapatan dan Perbincangan

Kajian awal telah dijalankan dengan dua syarikat ekopelancongan yang beroperasi di Kampung Rampayan Laut iaitu; Syarikat Marampayan Tours (MT) Sdn. Bhd dan juga Syarikat Habib Jaya Sunset & Cruise Sdn. Bhd. Kedua-dua syarikat menawarkan aktiviti-aktiviti ekopelancongan yang menarik seperti aktiviti *river cruise*, menyaksikan flora dan fauna dan kelip-kelip pada waktu malam, mengikuti bengkel menenun Iranun, menyaksikan Galeri budaya Iranun dan melihat matahari terbenam pada waktu petang. Operasi syarikat dijalankan oleh pekerja-pekerja dari komuniti lokal etnik Iranun. Kebanyakan pelancong yang datang ke Kampung Rampayan Laut berasal daripada Korea Selatan dan China. Walaubagaimanapun, Syarikat Habib Jaya Sunset & Cruise Sdn Bhd hanya berurusan dengan pelancong yang berasal daripada China.

Dapatan kajian awal di Kampung Rampayan meneliti impak ekopelancongan terhadap kualiti pemerksaan wanita dan bagaimana ia mampu merapatkan jurang gender di Kampung Rampayan Laut. Ia juga secara khusus menilai tahap kesaksamaan penglibatan wanita dan lelaki dalam aktiviti ekopelancongan, keseimbangan peranan gender, pemilikan modal, akses kepada sumber, kawalan terhadap sumber dan peluang meningkatkan dan memperoleh kemahiran baru.

### ***Kajian Kes 1: Marampayan Tours (MT) Sdn Bhd***

Dapatan kajian melalui temubual mendalam dengan Syarikat Marampayan Tours (MT) Sdn. Bhd menunjukkan pemilikan modal, akses kepada sumber dan kawalan terhadap sumber berlaku secara saksama diantara wanita dan lelaki (pemilik) dalam syarikat tersebut. MT Sdn Bhd dimiliki oleh sepasang suami isteri yang ingin dikenali sebagai Encik Abdul dan Puan Bariah (Bukan nama sebenar). Di bawah pengurusan MT Sdn Bhd ialah beberapa jeti di tepi sungai yang mengasingkan pelancong Korea dan China, Café Hide Out MT Sdn Bhd, Restoren Sunset Beach, Chalet Bonda Rasmin, MT Handycraft, MT Mini Mart dan Bonda Steamboat. Setakat ini MT Sdn Bhd bekerjasama dengan sembilan agen yang membawa pelancong dari China dan sepuluh agen yang membawa pelancong dari Korea. Kajian mendapati Puan Bariah mempunyai akses kepada sumber dan kawalan terhadap sumber. Sebagai contoh, Puan Bariah terlibat dalam proses pembelian bot yang melibatkan modal dan kos yang tinggi. Menurut Puan Bariah, kos paling rendah pembelian sebuah bot untuk pengangkutan pelancong ialah RM70 ribu dan kos paling tinggi sebuah bot yang dimiliki syarikat ialah RM150 ribu. MT Sdn Bhd memiliki 13 buah bot pelbagai saiz setakat ini.

Selain itu, kesaksamaan dari aspek kuasa pembuatan keputusan jelas kerana Puan Bariah terlibat dalam semua pembuatan keputusan berkaitan operasi syarikat khususnya proses pengambilan pekerja, perluasan dan pengembangan operasi perniagaan serta pembinaan kemudahan untuk pelancong. Terkini, syarikat MT telah membuka cabang perniagaan baru iaitu Bonda Steamboat yang menghadirkan pelbagai jenis makanan laut kepada pelancong luar, pelancong tempatan dan komuniti sekitar Kota Belud. Namun begitu, kajian mendapati penglibatan pekerja-pekerja wanita dalam syarikat ini masih perlu ditingkatkan. Syarikat MT Sdn Bhd mempunyai jumlah kakitangan lelaki yang lebih tinggi berbanding perempuan iaitu 29 lelaki dan 13 wanita.

Pencapaian pemerksaan wanita bagi mereka yang tidak mempunyai akses kepada modal dan sumber seperti Puan Bariah memperlantikan proses merapatkan jurang gender. Ini kerana pekerja-pekerja

wanita syarikat masih terikat dengan peranan gender yang bersifat domestik tradisional seperti menjadi tukang masak di café Hide Out, menjadi pembantu kedai di MT handycraft dan MT Mini Mart, menyediakan makanan kepada pelancong di Sunset Beach Resort, serta menjalankan kerja-kerja pembersihan disemua tapak kemudahan dan bangunan. Walaubagaimanapun, selain dari jenis-jenis kerja yang biasanya di dominasi wanita, ada juga pekerja wanita syarikat yang bertugas sebagai pegawai akaun, kerani operasi dan penyelia chalet. Manakala pekerja-pekerja lelaki pula menjalankan tugas sebagai pemandu bot, *crew boatmen*, penyelarar atau penyelia tugas-tugas berkaitan teknikal dan penyelenggaraan bot, penyelenggaraan kemudahan bangunan, landskap, pengawal, juruteknik, tukang kebun, dan tugas-tugas teknikal yang lain.

Namun tidak dinafikan penglibatan wanita dalam ekopelancongan sedikit sebanyak merapatkan jurang gender dari segi penjana pendapatan. Ini kerana 70% staf wanita syarikat sebelum ini hanya sebagai surirumah dan ada juga yang berstatus sebagai ibu tunggal. Ini jelas menunjukkan staf wanita mampu menjana pendapatan sendiri dengan melibatkan diri dan bekerja dalam syarikat operator pelancongan. Selaras dengan saranan Scheyvens (2000) dan Reimer & Walter (2013), wanita melalui proses pemerksaan jika mampu menjana pendapatan sendiri. Dalam konteks ini, ia bukan sahaja meningkatkan pendapatan dan mencapai *economic independence* (Iranu & Shah, 2014: 252), tetapi juga meningkatkan kepercayaan diri, *self-esteem* serta meluaskan jaringan sosial wanita yang terlibat.

### **Kajian Kes 2: Habib Jaya Sunset & Cruise Sdn Bhd**

Kajian kes di Habib Jaya Sunset & Cruises Sdn Bhd menunjukkan masih terdapat ketidaksaksamaan peranan gender dalam kalangan ahli komuniti yang tidak mempunyai sebarang pemilikan modal dan akses kepada sumber dalam sektor ekopelancongan. Sama seperti MT Sdn Bhd, Staff wanita di Habib Jaya Sunset & Cruise Sdn Bhd masih kekal dengan peranan gender tradisional seperti memasak, menyambut tetamu dan melakukan kerja pembersihan. Manakala, lelaki mendominasi peranan-peranan teknikal yang mempunyai gaji tinggi dan membolehkan mereka berinteraksi secara langsung dengan pelancong.

Peranan gender yang didominasi oleh lelaki dalam sektor ekopelancongan membolehkan mereka meningkatkan penjana pendapatan, meningkatkan kemahiran teknikal dan meningkatkan keyakinan diri. Keadaan ini selaras dengan hujah Walter (2011) dan Iranu & Shah (2016) iaitu ketidaksaksamaan peranan gender telah menyebabkan perbezaan peluang dan akses untuk memperoleh kemahiran baru, meluaskan rangkaian sosial dan peluang membina keyakinan diri.

Kajian mendapati pemerksaan wanita melalui syarikat ini boleh dijelaskan melalui penglibatan aktif dua orang anak perempuan pemilik syarikat dalam operasi harian. Kedua-dua mereka yang mahu dikenali sebagai Cik Hidayah dan Cik Nurul banyak membantu syarikat keluarga dalam memperluaskan operasi dan melaksanakan operasi harian. Cik Hidayah berkelulusan diploma dalam bidang Kaunseling yang pernah bekerja dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Polis Diraja Malaysia di Kuala Lumpur tetapi berhenti pada tahun 2013. Manakala Cik Farizah berkelulusan Sains Pemakanan dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang pernah bekerja dengan Kolej Yayasan Sabah.

Pemilikan modal oleh kedua orang tua, pendidikan dan kemahiran yang tinggi dalam pengurusan serta pengalaman yang luas membolehkan mereka memecahkan dominasi lelaki dalam sektor ekopelancongan. Hal ini kerana, kedua-duanya menjadi penggerak utama syarikat. Mereka yang bertanggungjawab mencari agen untuk menjalin kerjasama dengan H-J Sunset & Cruise Sdn. Bhd yang boleh membawa pelancong ke kampung Rampayan Laut. Mereka juga bertanggungjawab membuka Habib Beach Cafe di tepi pantai yang boleh memuatkan 250 orang pelancong dalam satu masa. Kedua-duanya juga turut mengendalikan operasi di Habib Waterfront Jetty yang mengendalikan pelancong yang menaiki bot untuk *river cruise*.

Oleh kerana pengalaman bekerja di jabatan persekutuan dan keyakinan diri, mereka sendiri yang berusaha mengedarkan risalah syarikat dan menghubungi *tour operators* di Kota Kinabalu untuk menjalin kerjasama bagi mempromosi pakej yang mereka tawarkan. Untuk memudahkan operasi di Beach Cafe dan mengurangkan kos berulang alik mendapatkan bahan mentah di Kota Belud dan Kota

Kinabalu, Cik Hidayah dan Cik Nurul meyakinkan pembekal dari Ranau iaitu Robert Enterprise dan syarikat Istana Ayam Tua dari Kota Kinabalu untuk membekalkan bahan mentah ke restoren mereka. Ini telah menjimatkan kos minyak dan kos berulang alik setiap hari untuk mendapatkan bekalan.

Ternyata melalui temubual dengan Cik Hidayah dan Cik Nurul, mereka terlibat sama dalam setiap proses membuat keputusan dalam syarikat termasuk proses memilih pekerja untuk mengendali bot, tukang masak, jenis pakej yang ditawarkan, bertindak sebagai pegawai akaun serta urusan mengembangkan operasi syarikat. Selain itu, mereka terus mencari peluang mengembangkan syarikat.

Elemen lain pemerksaan ialah mereka secara berterusan cuba meningkatkan kemahiran dalam mengurus perniagaan dengan menyertai pelbagai kursus contohnya mengikuti kursus *frontliner* anjuran Kementerian Pelancongan, kursus pengendalian makanan anjuran Akademi Intan Bandaraya yang diiktiraf Kementerian Kesihatan Malaysia serta kursus keusahawan anjuran 1 Azam. Kursus *frontliner* contohnya melatih peserta cara mengendalikan pelanggan dan meningkatkan 'human relation skills' dan kemahiran berkomunikasi untuk mereka yang secara langsung berurusan dengan pelanggan.

Sebagai rumusan dari dua kajian kes yang diketengahkan dalam perbincangan di atas, ternyata wanita terlibat dalam proses pengambilan keputusan dan mengambil peranan 'leadership roles' dalam kedua-dua syarikat pelancongan tersebut. Malah dalam banyak situasi, wanita yang menggerakkan atau 'mobilize' aktiviti syarikat mereka agar mampu bersaing dengan operator pelancongan yang lain. Dapatan kajian mengenai pemerksaan wanita dan usaha merapatkan jurang gender dalam sektor ekopelancongan ini selaras dengan hasil dapatan kajian Reimer and Walter di Selatan Cambodia (2013) dan Tran and Walter (2014) di Vietnam. Walaubagaimanapun, jurang gender dalam kalangan ahli komuniti lokal masih perlu diperbaiki kerana tahap pemerksaan wanita dalam sektor ekopelancongan masih pada tahap yang minima.

## Kesimpulan

Usaha merapatkan jurang gender merupakan salah satu syarat utama untuk menjayakan pembangunan komuniti secara saksama. Di Malaysia, wanita merupakan sebahagian daripada jumlah penduduk iaitu sebanyak 15.8 juta orang. Namun, Buku perangkaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (2015) menyatakan kadar pengangguran wanita adalah pada tahap yang tinggi berbanding lelaki. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita dalam pasaran kerja juga pada tahap yang rendah berbanding lelaki. Selain itu pendapatan isi rumah kasar bulanan yang diketuai oleh wanita diluar bandar pada tahun 2014 masih lagi pada tahap yang rendah berbanding lelaki. Justeru, perkembangan sektor ekopelancongan di luar bandar boleh meningkatkan kadar penyertaan buruh wanita dan menurunkan kadar pengangguran wanita di luar bandar [53]. Selain itu, kajian ini penting kerana kajian berkenaan sektor ekopelancongan di Malaysia masih agak kurang. Kebanyakan kajian berkenaan sektor ekopelancongan bersifat *gender-blind* dan hanya memfokuskan kajian-kajian berkenaan potensi dan cabaran ekopelancongan, isu kelestarian ekopelancongan, *homestay* dan kepuasan pelancong terhadap produk ekopelancongan. Namun, tidak dinafikan terdapat juga kajian yang menyentuh berkaitan penglibatan wanita dalam ekopelancongan tetapi ia tidak memberi fokus kepada tahap kejayaan pemerksaan wanita dan bagaimana usaha ini mampu merapatkan jurang gender dalam kalangan ahli komuniti lokal di luar bandar. Oleh itu, fokus kajian ini bukan sahaja meneliti berkaitan tahap pemerksaan wanita, malah kajian ini juga menganalisis dan menilai impak usaha dan aktiviti ekopelancongan terhadap proses pemerksaan wanita dan kesaksamaan gender di luar bandar. Dapatan kajian awal di Kampung Rampayan Laut menunjukkan kepentingan pemerksaan wanita dan bagaimana ia mampu merapatkan jurang gender dalam sektor ekopelancongan.

Kajian mendapati masih wujud ketidaksaksamaan gender dalam sektor ekopelancongan di luar bandar. Ketidaksaksamaan wujud dalam aspek peranan gender, penerimaan upah/gaji, akses kepada sumber, kawalan terhadap sumber, pemilikan modal dan peluang memperoleh kemahiran baru dan meningkatkan keyakinan diri. Kajian ini menekankan kepentingan pemerksaan wanita dalam membantu menjayakan pembangunan komuniti. Untuk membangunkan komuniti secara menyeluruh, pemerksaan wanita merupakan perkara yang perlu diutamakan. Proses pemerksaan wanita perlu

mampu merapatkan jurang antara gender dari aspek politik, ekonomi, sosial dan psikologi. Wanita harus diberikan peranan, peluang pemilikan dan hak penguasaan sumber serta tanggungjawab yang sama seperti lelaki.

## Rujukan

- Abdullah, M, Awang Noor, A. G, Hin Wai Yip & Zabidi, H. (2016). Assessment of Attractions, Visitation and Local Community-Based Ecotourism at Marudu Bay, Sabah. *The Malaysian Forester*. 79, 189-196.
- Alka Obadic (2016). Gender Discrimination and Pay Gap on Tourism Labor Market. *World Academy of Science, Engineering and Technology International Journal of Mechanical and Industrial Engineering*. 10, 823-828.
- Barbara J. Dilly. (2003). Gender Culture and Ecotourism: Development Policies and Practices In The Guyanese Rain Forest. *Women's Studies Quarterly*. 31, 58-75.
- Blamey, R. Principles of ecotourism (2001). In D. B. Weave (Ed.), *The encyclopedia of ecotourism*.(CABI Publishing, Oxford, 1-20.
- Bras, K and Dahles, H (1998). Women Entrepreneurs And Beach Tourism In Sanur Bali: Gender Employment Opportunities And Government Policy. *Pacific Tourism Review*. 1, 243-256.
- Claudia Hirtenfelder (2015). Ecotourism And Its Subversion Of Broader Gender Orders In Rural Botswana, Kenya. University of Johannesburg. MA thesis.
- Duini @ Vini Sinteh (2010). Taman Kinabalu Sebagai Asas Pelancongan Utama Sabah dan Kesannya Kepada Masyarakat Setempat. Universiti Sains Malaysia. Tesis Sarjana.
- Ecotourism Association of Australia (1998). *Australian ecotourism resource book*. R. Bushell Publications, Ltd, Australia.
- Elmas, S. (2007). Gender and tourism development – a case study of the Cappadocia region of Turkey. In Pritchard, A. (ed) *Tourism and Gender: Embodiment, Sensuality and Experience*. CABI, Wallingford.
- Epler Wood, M. E. (2019). *Ecotourism: Principles, practices and policies for sustainability. United Nations Environment Programme*. Diambil dari <http://www.unep.fr> diakses pada 12 Julai 2019.
- Evaristus M. Irandu, Parita Shah. (2014). The Role of Ecotourism in Promoting Women Empowerment and Community Development: Some Reflections From Kenya. *Journal of Tourism and Hospitality Management*. 2, 245-259.
- Fennel, D. (2008). *Ecotourism*. Routledge, London.
- Fredrick Z.A. Odede, Patrick O. Hayombe, Stephen Gaya Agong (2015). Ecotourism For Community Empowerment and Social Inclusion: The Case of Abindu Sacred site in Kisumu County, Kenya. *Journal of Economics and Sustainable Development* 6, 7-15.
- Gentry, K. M. Bellzean (2007). Women and Tourism work: Opportunity or impediment. *Annal of Tourism Research*. 34, 477-496.
- Higham, J. (2007). Ecotourism: Competing and Conflicting Schools of Thought in James Higham(ed). *Critical Issues in Ecotourism: Understanding a Complex Tourism Phenomenan*. Elsevier Ltd, Oxford.
- Honey, M. (2008). *Ecotourism and Sustainable Development: Who Owns Paradise 2<sup>nd</sup> Edition*. Island Press, London.
- Intan Osman (2009). Zainal Ariffin Ahmad, Noor Hazlina Ahmad, Azrina Hussin, Saridan Abu Bakar & Nur Diyana Tanwir. Following the Trail of Women Homestay Entrepreneurs in Malaysia: Understanding Their Motivation and Empowerment. *TEAM Journal of Hospitality & Tourism*. 6, 24-35.
- J.K, Reimer & Pierre Walter (2013). How Do You Know it When You See It? Community-based Ecotourism in Cardamom Mountains of Southwestern Cambodia. *Tourism Management*. 34, 122-132.
- Jabil M, P,Y Mohamad, M,Z, Rosmira dan M/ Mazdi (2015). Transformation of Scuba Diving Tourism Development in Mabul Island, Sabah *Journal of Borneo Social Transformation Studies*. 1, 32-51.
- Jabil Map Jabil (2010). Pelancongan Berasaskan Selam Skuba di Pulau Mabul, Sabah. *Prosiding Perkem V. 2*, 311-320.

- Jacobus F.K, Carel.D, Miriam.M. (2005). Ecotourism As A Development Strategy: Experiences From Costa Rica. *Environ Dev Sustain* 11, 1225-1237
- Jennifer Kim Lian Chan & Tom Baum (2007). Ecotourists' Perception of Ecotourism Experience in Lower Kinabatangan, Sabah, Malaysia. *Journal of Sustainable Tourism*. 15, 574-589.
- K.S Barry (2012). Women Empowerment and Community Development Through Ecotourism. SIT Graduate Institute. MA thesis.
- Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat. (2016). *Buku Perangkaan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*.
- Koeman. Sa Pa (1998). Vietnam: Capacity Building For Sustainable Tourism and Sa Pa, Vietnam: Ideas for the Future. *Communications to the Internet Conference of Community Based Mountain Tourism* Sponsored by Mountain Forum, 11 May.
- L.Tran, P. Walter (2014). Ecotourism, Gender and Development in Norther Vietnam. *Annals of Tourism Research*. 20, 116-130.
- Long. V and G. Wall (1995). Small Scale Tourism Development in Bali in M. Conlin and T. Baum (ed). *Island Tourism: Management , Principles and Practice*. John Wiley & Sons Ltd, England.
- Lucy, F. (2009). Analysing the Gender Dimensions of Tourism as a Development Strategy. *Paper Presented at the Development Studies Association Conference*.
- Manu, Isaac Kuuder, Conrad-J.Wuleka (2012). Community-Based Ecotourism and Livelihood Enhancement in Sirigu, Ghana. *International Journal of Humanities and Social Science*. 2, 97-108.
- Mohd Jirey Kumalah, Gusni Saat, Jabil Mapjabil, Rosazman Hussin, Teuku Afrizal, Mustapa Abu. (2015). Characterisation of ecotourism employment in a developing world destination. *GeoJournal of Tourism and Geosites*. 1, 112-128.
- Mwangi, D. W. (2005). A case study analysis on the social impact of the ecotourism project in Selenkei Ranch, Amboseli, Kenya. University of Witwatersrand, SA. MA (tourism) thesis.
- National Ecotourism Plan (1996), Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan.
- National Ecotourism Plan (2016-2025). Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan
- Nor Haniza Mohamad (2016). Critical Success Factors of Community-Based Tourism In Batu Puteh. Universiti Teknologi Malaysia. PhD thesis.
- Nur Syakiran Akmal Ismail. (2015). Mengarusperdana Gender di Malaysia: Satu Tinjauan Konseptual. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12, 160-171.
- Nurain Sahazali & Er Ah Choy. (2013). Ekopelancongan di Taman Paya Bakau, Seri Manjung, Perak: Persepsi Penduduk Terhadap Impak Pembangunan. *Malaysian Journal of Society and Space*. 9, 69-79.
- R. Scheyvens (1999). Ecotourism and The Empowerment of Local Communities. *Tourism Management*.20, 245-249.
- R. Scheyvens (2007). Ecotourism and Gender Issues in James Higham(ed). *Critical issues in Ecotourism* (Elsevier, Burlingtin,185-213.
- R.Scheyvens (2000). Promoting Women's Empowerment through Involvement In Ecotourism: Experiences From The Third World. *Journal Of Sustainable Tourism*. 8, 232-249.
- Ramzah Dambul & Amriah Buang (2008). Permasalahan Industri Pelancongan di Kundasang, Sabah: Penjelasan Kestrukturan Marxist. *Malaysian Journal of Society and Space*. 4, 32-44.
- Reichert, J. (1994) Ecotourism principles. Speech read at the International Ecotourism Society's International Eco-lodge Development Forum and Field Seminar in Maho Bay, USA in October. 1994.
- Rosaleen Duffy. (2002). *A Trip Too Far: Ecotourism, Politics and Exploitation*. (Earthscan Publication Ltd, London.
- Rosazman.H & Velan.K. (2016). Women Participation in Ecotourism Development: Are They Empowered? *World Applied Sciences Journal*. 34, 1652-1658.
- Sabah Tourism (2018). Statistics Of Tourist Arrivals. Dari [www.sabahtourism.com](http://www.sabahtourism.com)
- Schellhorn. M. (2010). Development for whom? Social Justice and the business of ecotourism. *Journal of Suistanable Tourism*.18, 115-135.
- Schellhorn.M. (2010). Development for whom? Social Justice and the business of ecotourism. *Journal of Suistanable Tourism*. 18, 115-135.

- Simon.C, Memory.M, Pauline.K, Boycen.K (2011). The Theory and Practice of Ecotourism In Southern Africa. *Journal of Hospitality Management and Tourism*. 2, 14-21
- Stronza, A. (2005). Host and Host: Anthropology of Community-Based Ecotourism In The Peruvian Amazon. *National Association For The Practice of Anthropology Bulletin*. 23, 170-190.
- Toshiki Sato, Chem Wern Hong, Masazumi AO, Badaruddin Mohamed & Ngai Weng Chan Sahazali (2013). Kajian Perbandingan Isu dan Cabaran Ekopelancongan di Teman Negara Pulau Pinag dan Taman Kinabalu, Malaysia. *Pascasidang Seminar Serantau ke-2 Pengurusan dan Persekitaran di Alam Melayu* 3, 589-595.
- Tourism Malaysia (2018). Statistics Of Tourist Arrivals. Dari from [www.tourism.gov.my](http://www.tourism.gov.my). Diakses pada 12 Julai 2019.
- Walter, Pierre (2011). Gender Analysis in Community-based Ecotourism. *Tourism Recreation Research*. 36, 159-168.
- Wearing, S. & Neil, J. (2009). *Ecotourism: Impacts, Potentials and Possibilities?* (Second Edition). Elsevier Ltd, Oxford.
- Weaver, D. (2001). *Ecotourism*. John Wiley & Sons, Brisbane.
- Wilkinson, P & Pratiwi,W (1995). Gender and tourism in an Indonesian village. *Annals of Tourism Research*. 22, 283-99.